

KENYATAAN POLISI ANTI-SUAPAN DAN ANTI-RASUAH

Prasarana telah melaksanakan Dasar Anti-Rasuah bagi Syarikat - Syarikat di Malaysia, dan komited untuk berpegang teguh kepada integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam semua aktiviti dan operasi perniagaan.

Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ("ABMS") ISO 37001:2025 Prasarana, adalah bertujuan untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap rasuah dan akhirnya bertindak demi kepentingan terbaik Prasarana dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Sehubungan itu, Prasarana komited dalam melaksanakan perkara berikut:

- Memastikan semua Pengarah dan pekerja dan mana-mana pihak yang bertindak untuk atau bagi pihak Prasarana dilarang sama sekali daripada secara langsung atau tidak langsung menawarkan, berjanji, menerima atau meminta rasuah berhubung dengan aktiviti, perniagaan, urusan dan atau operasi;
- Mematuhi undang-undang, dasar, prosedur dan keperluan lain untuk mengelakkan aktiviti suapan dan rasuah;
- Melaksanakan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah dengan berkesan untuk membasmi rasuah dalam aktiviti harian dan menjaga pihak berkepentingan dalam mencapai visi dan misi Prasarana;
- Mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan suapan dan rasuah demi mencapai objektif anti-suapan dan anti-rasuah;
- Menggalakkan keprihatinan secara jujur mengenai perlakuan rasuah melalui saluran pemberi maklumat tanpa rasa takut akan tindakan balas;
- Sentiasa menyemak dasar dan prosedur untuk penambahbaikan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah;
- Memberi kuasa yang sewajarnya terhadap fungsi pematuhan anti-rasuah sebagai pihak yang bebas;
- Mengenakan tindakan tatatertib dan undang-undang mengikut dasar dan prosedur Prasarana serta Akta SPRM 2009 terhadap sebarang ketidakpatuhan dan pelanggaran dasar ini oleh wargakerja dan rakan niaga;
- Memperkukuh keberkesanan kepimpinan dengan mengekalkan komitmen yang aktif, jelas, konsisten, dan berterusan di seluruh organisasi;
- Mengisytiharkan Konflik Kepentingan (COI) secara efektif, serta mengelakkan sebarang pertindihan antara kepentingan peribadi dan tanggungjawab rasmi.



AMIR HAMDAN

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
22-Oct-2025